

Ejekan kawan bakar semangat penuntut OKU

Mahasiswa baharu tekad manfaat peluang pengajian di universiti realisasi impian

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bhp.com.my

Serdang: Orang kurang upaya (OKU) yang sering diperkecil sejak berusia 11 tahun, membuktikan kecacatannya tidak menghalang beliau meraih kecemerlangan dalam pelajaran.

Wan Ahmad Amiruladha Wan Mahzir, 20, yang kehilangan kaki kanan sejak di Tahun Lima sekolah rendah antara pelajar yang mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam.

Katanya, beliau memilih pengajian dalam bidang kesusasteraan Melayu bagi membuktikan individu OKU juga berjaya seperti orang lain.

"Saya terbabit dalam kemalangan ketika pulang mendaftar persekolahan Darjah Lima pada 2010 apabila motosikal ditunggang makcik, berlanggar dengan lori treler, menyebabkan kaki saya hancur digilis.

"Sejak itu, ada individu yang tidak suka merendah-rendahkan saya kerana kehilangan kaki. Namun, rakan dan keluarga banyak memberi sokongan moral bahawa saya boleh berjaya.

"Saya mahu jadikan peluang menyambung pengajian di UPM ini sebagai bukti kepada mereka yang merendah-rendahkan saya dahulu bahawa saya boleh berjaya," katanya ketika ditemui di UPM semalam.

Seramai 11 OKU, enam Orang Asli dan 90 atlet antara 3,882 pelajar baharu mendaftar di UPM bagi sesi 2019/2020.

Sementara itu, mahasiswa Orang Asli suku Jakun, Haiza Samad, 20, pula memilih bidang komunikasi untuk mengikut jejak langkah abangnya yang menjadi penyampai radio di Asyik FM, selain meminati kerjaya wartawan.

"Orang yang kenal saya tahu, saya banyak bercakap. Saya minat dengan kerja wartawan. Jadi, abang nasihatkan untuk ambil program komunikasi di UPM," kata anak ketiga daripada empat beradik.

Bagi atlet acara 100 meter, Muhammad Zulfiqar Ismail, 20, yang menyambung pengajian dalam program pendidikan jasmani, be-



Naib Canselor UPM, Prof Datin Dr Aini Ideris beramah mesra dengan Ikmal Mustafa Musbah (kanan) dan Wan Ahmad Amiruladha (tiga dari kanan) ketika melawat bilik penempatan pada sesi pendaftaran pelajar baharu UPM, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

liau mengakui sukar untuk mengagihkan antara latihan dan pengajian berikutan bakal menyertai Sukan SEA buat pertama kali.

"Saya sedang pertimbangkan mungkin menangguhkan semester pertama ini untuk menjalani latihan sepenuh masa memandangkan ini Sukan SEA pertama saya. Jadi, perlu lebih fokus untuk memastikan saya membawa pulang pingat untuk negara.

"Ketika ini, catatan masa terpanjang saya 10.40 saat di Jerman tahun lalu dan untuk Sukan SEA, saya sasarkan untuk memecah rekod peribadi dengan catatan masa sekitar 10.20 saat.

"Saya juga mendapatkan nasihat senior yang pernah menyertai Sukan SEA yang turut mencadangkan saya memilih UPM kerana universiti ini membenarkan atlet menyusun jadual secara fleksibel," katanya.

Sementara itu di Kota Bharu, penuntut baharu Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Juliana Abd Kadi, 22, tidak pernah berputus asa walaupun sudah tiga tahun memohon tempat ke universiti sebelum berjaya.

Katanya, selepas menamatkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada 2016, beliau beberapa kali membuat permohonan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, namun gagal.

"Alhamdulillah, akhirnya pada tahun ini permohonan saya diterima sekali gus dapat merealisasikan impian arwah ayah (Abd Kadi Syarbini).

"Arwah ayah meninggal dunia pada Februari 2011 selepas ter-



Antara pelajar baharu yang hadir pada pendaftaran sesi 2019/2020 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohd Khairul Helmy Mohd Din /BH)

jatuh ke dalam sungai ketika hendak mengambil wuduk dan kejayaan saya hanya dapat dikongsi bersama ibu, Mesrawati Muslim, 50, dan adik beradik yang lain.

"Sebaik menjejakkan kaki ke sini, saya sudah membulatkan tekad untuk belajar dengan ber-sungguh-sungguh dan tidak mahu melepaskan peluang yang diperolehi," katanya yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Perdagangan.

Juliana antara 2,617 mahasiswa yang mengikuti 32 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda yang mendaftar di ketiga-tiga kampus UMK, iaitu Kampus Kota, Bachok dan Jeli.

Seorang lagi penuntut, Thanushiya Balan, 21, yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Keusahawa-

nan Peruncitan berkata, selepas menamatkan STPM pada 2017 dia mendapat pelbagai tawaran untuk melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi swasta (IPTS), namun ditolak.

"Saya menolak tawaran ini kerana mahu melanjutkan pengajian ke universiti awam dan UMK menjadi pilihan utama kerana ia universiti yang berteraskan keusahawanan.

"Selama dua tahun saya menunggu peluang ini dan akhirnya dapat juga menjejakkan kaki ke sini walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga yang tinggal di Kulim, Kedah," kata anak kedua daripada tujuh beradik itu.

Selain UPM dan UMK, pelajar baharu Universiti Malaya juga mendaftar semalam.



Saya mendapatkan nasihat senior yang turut mencadangkan saya memilih UPM kerana universiti ini membenarkan atlet menyusun jadual secara fleksibel.

Muhammad Zulfiqar Ismail



Saya minat dengan kerja wartawan. Jadi, abang nasihatkan untuk ambil program komunikasi di UPM.

Haiza Samad



Saya mahu melanjutkan pengajian ke IPTA dan UMK menjadi pilihan utama kerana ia universiti berteraskan keusahawanan.

Thanushiya Balan